

10 FEB 1996

Mahathir - Pemuda

MAHATHIR YAKIN PERGERAKAN PEMUDA BOLEH TERUS BERGERAK CERGAS

KUALA LUMPUR, 10 Feb (bernama) -- Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu Pergerakan pemuda UMNO menunjukkan kebolehannya serta meneguhkan pendirian dalam meneruskan perjuangan parti bagi menjadikan Melayu bangsa yang dimuliakan.

Katanya dalam perjuangan, yang penting ialah pencapaian dan tidak ada yang tidak boleh dilakukan jika sesuatu perkara itu dibuat dengan tekun.

"Saya yakin Pergerakan Pemuda UMNO boleh buat asalkan ia berpegang pada nilai hidup yang betul dan membina," katanya dalam amanatnya ketika mengadakan pertemuan dengan pemimpin dan anggota Exco Pergerakan Pemuda di kediamannya di Sri Perdana, di sini, malam ini.

Sebelum itu, Dr Mahathir berbuka puasa dengan mereka serta bersolat Maghrib, Isyak dan solat sunat Tarawih. Yang turut hadir ialah Ketua Pergerakan Pemuda Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Dr Mahathir berkata beliau bersyukur kerana isu kepimpinan pergerakan itu dapat diatasi walaupun terdapat perbezaan tetapi tidak sampai berlaku persengketaan dan masalah di kalangan anggota dan pemimpinnya.

Katanya, ini menunjukkan perpaduan masih wujud dalam pergerakan pemuda UMNO dan ia adalah petanda baik bagi masa depan pergerakan itu.

Menurutnya kebolehan Pergerakan Pemuda mengatur pelbagai program menunjukkan pergerakan itu masih cergas serta mempunyai idea yang boleh membantu UMNO dalam menjalankan tugas sebagai parti pemerintah.

Katanya Pergerakan Pemuda adalah pewaris kepada golongan pemimpin veteran dan disebabkan itu ia (Pergerakan pemuda) perlu meneruskan dasar UMNO sejak ditubuhkan 50 tahun lepas.

Perjuangan Pergerakan Pemuda sekarang berbeza berbanding dahulu, kata Dr Mahathir dan menambah kata dasar yang diperkenalkan itu perlu dikekalkan tetapi mungkin gaya dan pendekatan mengalami perubahan berikutan kemunculan idea baru.

Dr Mahathir menganggap tugas terbesar pemimpin UMNO ialah menentukan parti yang akan diwarisi oleh Pergerakan Pemuda mampu meneruskan perjuangan bagi menjadikan bangsa Melayu berbangsa Islam dimuliakan.

Pergerakan Pemuda UMNO kemudian menyerahkan sumbangan RM500,000 kepada Dr Mahathir bagi Tabung Senjata Bosnia. Sumbangan itu disampaikan oleh Naib Ketua Pergerakan itu Datuk Nazri Abdul Aziz.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM) Encik Suhaimi Ibrahim menyampaikan sumbangan RM250,000 kepada Dr Mahathir bagi tabung yang sama.

Dr Mahathir kemudian menyampaikan kedua-dua sumbangan itu kepada Rahim yang kemudian akan menyerahkannya kepada pemimpin Bosnia-Herzegovina senasasawatnya ke negara itu April depan. --BERNAMA

ARA NAK